

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PRINSIP KEKELUARGAAN ISLAM</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>NCC3003</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>17 JUN 2019 (ISNIN)</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>:</b>	<b>DEWAN SULTAN MIZAN (DSM)</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3.00 – 5.00 PETANG (2 JAM)</b>

<b>NO. MATRIK</b>	<b>:</b>	_____
<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>:</b>	_____
<b>NO. MEJA</b>	<b>:</b>	_____

**ARAHAN KEPADA CALON**

- i. Kertas ini mengandungi 80 soalan.
- ii. Sila jawab semua soalan dengan menghitamkan jawapan anda pada kertas OMR yang disediakan.

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS (19) MUKA SURAT BERCETAK

**Sila pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan.**

1. Makna perkataan "nikah" dari sudut bahasa ialah
  - A. kahwin
  - B. berpelukan
  - C. rapat dan erat
  - D. dakap dan bertaut
  
2. Antara hikmah pensyariatan nikah adalah untuk memenuhi keperluan fitrah manusia. Pilih pernyataan yang **benar** mengenainya.
  - A. Perkahwinan dapat mengembangkan generasi umat Islam
  - B. Perkahwinan dapat menyempurnakan kehendak seksual manusia berlandaskan syariat
  - C. Perkahwinan dapat mewujudkan ketenangan dan ketenteraman hati
  - D. Perkahwinan dapat memelihara daripada kemerosotan dan keruntuhan akhlak
  
3. Siti telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai isteri terhadap suami yang telah dinikahinya kira-kira setahun yang lalu. Antara tanggungjawab yang telah beliau laksanakan adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah. Mana satukah antara empat tanggungjawab berikut yang **tidak** tepat mengenai tanggungjawab isteri terhadap suami?
  - A. Mas kahwin
  - B. Melayan kehendak batin suami
  - C. Pergaulan yang baik dengan suami
  - D. Taat dalam perkara yang bukan maksiat

Ahmad tidak mempunyai syahwat dan amat tidak mampu untuk memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak sekiranya beliau berkahwin.
  
4. Apakah hukum berkahwin bagi lelaki yang berada dalam situasi seperti Ahmad?
  - A. Wajib
  - B. Sunat
  - C. Makruh
  - D. Haram
  
5. *Usrah* adalah perkataan Arab yang membawa maksud
  - A. kahwin
  - B. keluarga
  - C. rumahtangga
  - D. persetujuan

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Wahai para pemuda! Sesiapa dalam kalangan kamu yang mampu berkahwin, maka kahwinlah kerana ia dapat menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan. Sebaliknya, sekiranya tidak mampu, berpuasalah kerana puasa itu pengekang nafsu.”

6. Apakah yang dijelaskan oleh maksud ayat al-Quran di atas?
- A. Keharusan nikah
  - B. Kefardhuan nikah
  - C. Pensyariatan nikah
  - D. Kewajipan poligami
7. Daniel berkeinginan untuk berkahwin dengan mana-mana wanita yang dipilih oleh kedua ibu bapanya. Namun begitu, beliau masih belum mempunyai kewangan yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan nikah dan juga memberi nafkah kepada bakal isterinya. Dalam hal ini, apakah hukum nikah menurut pandangan Islam terhadap lelaki yang berada dalam situasi seperti Daniel?
- A. Sunat berkahwin
  - B. Makruh berkahwin
  - C. Afdhal tidak berkahwin
  - D. Sunat baginya tidak berkahwin
8. Berikut adalah wanita-wanita yang berada dalam kategori "*haram muabbad*" dalam sistem kekeluargaan Islam, **kecuali**
- A. ibu tiri dan anak tiri
  - B. adik perempuan isteri
  - C. ibu dan nenek sebelah ibu dan bapa
  - D. cucu perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan
9. Berikut adalah wanita-wanita yang berada dalam kategori "*haram muaqqatah*" dalam sistem kekeluargaan Islam **kecuali**
- A. wanita yang menjadi nenek tiri
  - B. wanita kafir yang belum memeluk Islam
  - C. wanita itu adalah adik atau kakak kepada isteri
  - D. wanita yang akan menjadi madu kelima kepada seorang lelaki

10. Hubungan persemendaan merupakan satu faktor yang membawa kepada pengharaman nikah selama-lamanya. Manakah fakta yang dinyatakan adalah **salah** mengenai hubungan persemendaan?
- A. Anak perempuan angkat tidak dikira hubungan persemendaan
  - B. Anak perempuan sebelah ibu tidak dikira hubungan persemendaan
  - C. Isteri kepada cucu anak lelaki tiri dikira mempunyai hubungan persemendaan
  - D. Saudara perempuan susuan iaitu anak perempuan kepada ibu susuan mempunyai hubungan persemendaan
11. Mana satukah yang **benar** daripada kenyataan berikut?
- i. Adik beradik tiri diharamkan berkahwin buat selama-lamanya
  - ii. Pengharaman kahwin dengan adik beradik susuan bersifat sementara
  - iii. Ayah mertua dengan menantu diharamkan kahwin buat selama-lamanya
  - iv. Pengharaman kahwin dengan cucu menantu perempuan adalah bersifat sementara
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv
12. Mana satukah yang **salah** tentang konsep ibu susuan?
- A. Siti menyusukan bayi susuannya sebanyak tiga kali kenyang yang berasingan
  - B. Ainun ingin mengambil anak susuan yang berusia sebulan selepas dilahirkan
  - C. Anak lelaki susuan Siti haram berkahwin selama-lamanya dengan anak perempuan kepada abang Siti
  - D. Anak lelaki susuan Ainun halal melihat anak perempuan kandung Ainun
13. Ani enggan melakukan persetubuhan dengan suaminya tanpa sebab yang munasabah walaupun telah berkali-kali suaminya mengajaknya bersama. Tindakan Ani dalam perkahwinan Islam dianggap sebagai
- A. *ila*"
  - B. *li`an*
  - C. *nusyuz*
  - D. *mut`ah*

14. Hukum poligami dalam Islam akan berubah berdasarkan keperluan dan tuntutan. Idham berpoligami kerana isteri pertamanya mandul sedangkan beliau inginkan anak dan beliau berkemampuan dari segi zahir dan batin serta berkeyakinan dapat berlaku adil. Apakah hukum poligami dalam situasi Idham?
- A. sunat
  - B. wajib
  - C. haram
  - D. makruh
15. Suami Siti telah hilang tanpa khabar berita selama lebih dua tahun yang lalu. Manakah antara berikut perkara yang perlu dilakukan oleh Siti sekiranya beliau ingin berkahwin semula?
- i. Perlu mendapat bukti bahawa suaminya yang hilang telah meninggal dunia
  - ii. Boleh berkahwin pada bila-bila masa
  - iii. Perlu menunggu perkhabaran suami sehingga empat tahun
  - iv. Perlu menunggu perkhabaran suami selama tiga tahun
- A. i sahaja
  - B. i dan iii
  - C. i dan iv
  - D. ii dan iv
16. Mana satukah antara berikut **salah** mengenai hikmah poligami?
- A. Poligami mampu mengekang maksiat yang muncul ekoran gejala sosial yang tidak terkawal
  - B. Poligami menjadikan wanita yang menghadapi masalah kesihatan akan terbelah
  - C. Lelaki yang berpoligami boleh menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-anak sepenuhnya kepada isteri-isterinya
  - D. Poligami yang tidak berlaku secara adil dan saksama menjadikan fitnah yang besar kepada syariat Islam
17. Rasulullah SAW pernah menyatakan tentang empat golongan wanita yang menjadi pilihan untuk dijadikan isteri. Nyatakan empat golongan tersebut
- A. kecantikan, agama, keturunan dan harta
  - B. harta, takhta, kecantikan dan paras rupa
  - C. kemewahan, fizikal, akal budi dan akhlak
  - D. harta, keturunan, kecantikan dan penampilan

18. Aina berkahwin berwalikan bapa susuannya (suami kepada ibu susuan). Apakah hukum perkahwinan beliau?
- A. Tidak sah kerana perkahwinan tanpa saksi
  - B. Sah kerana bapa susuan adalah mahramnya
  - C. Sah kerana bapa susuan berhak menjadi wali
  - D. Tidak sah kerana bapa susuan tidak layak menjadi wali
19. Khadijah adalah seorang perempuan yang baligh dan berakal, beliau ingin berkahwin dengan seorang lelaki yang sekufu dengannya. Namun, walinya enggan untuk mengahwinkannya tanpa sebab yang munasabah. Manakah pernyataan berikut yang **paling** benar untuk situasi Khadijah.
- A. Khadijah boleh berkahwin dengan pasangannya di sempadan Negara (kahwin lari)
  - B. Khadijah perlu mengikut kemahuan dan kehendak ayahnya
  - C. Khadijah boleh meneruskan perkahwinan dengan berwali hakim
  - D. Khadijah perlu memutuskan hubungan terus dengan keluarganya
20. Banyak hikmah disebalik saranan Rasulullah SAW tentang pemilihan pasangan yang masih teruna atau anak dara. Mana satukah yang **benar** tentang hikmah tersebut?
- A. Keturunan yang baik mesti melahirkan zuriat yang baik
  - B. Kerukunan rumahtangga wajar dikaitkan dengan aspek keturunan tidak pernah berkahwin
  - C. Zuriat yang lahir daripada pasangan teruna dan anak dara akan menentukan kehidupan yang baik dimasa hadapan
  - D. Sifat jiwa manusia yang sememangnya senang bermesra dengan pasangan teruna atau dara yang tidak pernah berkahwin
21. Mak Limah kurang bersetuju jika anak kandungnya ingin berkahwin dengan anak saudaranya. Berikut adalah hikmah disebalik larangan perkahwinan dengan keluarga terdekat **kecuali**
- A. perkahwinan dengan keluarga terdekat terdedah kepada zuriat yang lemah
  - B. perkahwinan dengan keluarga terdekat menjadikan pemikiran umat Islam sukar berkembang
  - C. perkahwinan dengan keluarga terdekat menyukarkan proses pendakwaan kepada bukan Islam
  - D. perkahwinan dengan keluarga terdekat dapat memastikan harta keluarga tidak mengalir ke tangan keluarga lain

22. Apakah keadaan-keadaan yang membenarkan seorang lelaki untuk melihat perempuan yang bukan mahram?
- Peminangan
  - Ketika belajar
  - Ketika proses jual beli
  - Ketika menjadi saksi atau memberi kesaksian
- A. i dan ii  
B. ii dan iii  
C. i, ii dan iii  
D. semua yang di atas.
23. Apakah *kaffarah* bagi seorang lelaki yang telah melakukan "*zihar*" terhadap isterinya?
- Memerdekakan seorang hamba Mukmin yang tiada sebarang kecacatan dan kelemahan
  - Berpuasa selama sebulan berturut-turut
  - Berpuasa selama dua bulan berturut-turut
  - Memberi makan kepada 30 orang fakir miskin setiap orang secupak makanan asasi sesebuah negara
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. i, ii dan iv  
D. i, iii dan iv
24. Saiful berhasrat untuk membatalkan pertunangan dengan gadis tunangannya atas sebab yang tidak diketahui. Apakah tindakan yang perlu dilakukan akibat daripada pembatalan peminangan daripada pihak lelaki pada waktu kini?
- A. Tiada sebarang tindakan ke atas lelaki tersebut  
B. Perlu membayar pampasan atau ganti rugi yang berpatutan  
C. Lelaki tersebut perlu bertaubat dan dihadapkan di mahkamah syariah  
D. Perlu membayar pampasan kerana kemudharatan akhlak kepada pihak lelaki
25. Apakah hukum peminangan di atas peminangan orang lain?
- A. Harus  
B. Haram  
C. Makruh  
D. Dimaafkan

26. Seseorang wanita itu layak mendapat sebahagian maharnya sekiranya
- A. Dia disetubuhi oleh suaminya selepas akad nikah yang sah
  - B. Berlaku perceraian disebabkan oleh wanita itu sendiri
  - C. Berlaku perceraian setelah majlis akad nikah yang sah dan maharnya disebut pada majlis akad tersebut serta wanita itu belum disetubuhi
  - D. Berlaku kematian suami selepas majlis akad nikah

Perkataan yang dijadikan hujah oleh suami yang terpaksa menuduh isterinya kerana mencemari rumahtangga dan menyebabkan aib kepada suami.

27. Kenyataan di atas adalah maksud \_\_\_\_\_ dari segi syarak
- A. *Zihar*
  - B. *Talak*
  - C. *Li'an*
  - D. *Ila'*
28. Berikut adalah benar mengenai bentuk peminangan dalam Islam berdasarkan kitab *al-Fiqh al-Manhaji* iaitu
- i. Peminangan secara bersahaja
  - ii. Peminangan secara berterus terang
  - iii. Peminangan secara orang tengah
  - iv. Peminangan secara kiasan
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. iii dan iv
29. Sunat berkhotbah sebelum peminangan dan ia telah diamalkan oleh
- A. ulama *Salaf*
  - B. Nabi Muhammad SAW
  - C. para sahabat Nabi SAW
  - D. para Nabi yang terdahulu



30. Berikut adalah masa-masa yang dibolehkan meminang kecuali
- perempuan yang tidak mempunyai suami
  - perempuan yang berada dalam *'iddah raj'ie*
  - perempuan itu bukan terdiri daripada golongan yang haram dikahwini
  - perempuan yang dalam *'iddah ba'in* dengan peminangan secara kiasan
31. Apakah status hukum bagi wali yang menawarkan perempuan-perempuan dalam jagaannya kepada lelaki soleh dan bertaqwa?
- Sunat
  - Wajib
  - Harus
  - Fardhu Ain
32. Pak Ali ingin mengahwinkan anak perempuannya dengan seorang pemuda beriman yang bernama Ahmad. Menurut Islam, seorang wali dibolehkan untuk mencadangkan seseorang yang sesuai untuk dikahwinkan dengan anaknya. Hujah ini berdasarkan pedoman seorang nabi kepada bakal menantunya. Siapakah nabi yang dimaksudkan sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quran?
- Nabi Musa A.S
  - Nabi Syuaib A.S
  - Nabi Zakaria A.S
  - Nabi Muhammad S.A.W
33. Apakah hukum dan hujah seorang lelaki melihat pasangannya terlebih dahulu sebelum meminang?
- Sunat berdasarkan firman Allah S.W.T
  - Harus berdasarkan hujah hadith
  - Sunat berdasarkan saranan Rasulullah S.A.W
  - Makruh berdasarkan larangan Rasulullah S.A.W
34. "*Engkau haram bagiku*", Ahmad mengungkapkan lafaz tersebut terhadap isterinya. Manakah pernyataan berikut adalah benar bagi situasi Ahmad?
- Talak jatuh serta merta
  - Isterinya diceraikan dengan talak satu
  - Lafaz tersebut tidak membawa maksud talak dan tidak memberikan sebarang kesan
  - Lafaz tersebut menyebabkan jatuh talak sekiranya Ahmad memang berniat untuk menceraikan isterinya tetapi jika tidak mempunyai sebarang niat, talak tidak jatuh kerana ia adalah lafaz kinayah

35. Khairul berhasrat untuk melihat gadis tunangannya sebelum berkahwin. Berdasarkan kitab *al-Fiqh al-Manhaji*, apakah had pandangan yang dibolehkan lelaki untuk melibat tunangnya?
- A. Haram seluruh anggota
  - B. Seluruh tubuh kecuali tangan dan muka
  - C. Hanya anggota perhiasan diri sahaja boleh dilihat
  - D. Muka dan tapak tangan termasuk depan dan belakang
36. Tarmizi ingin meminang seorang wanita yang telah dipinang oleh seorang lelaki lain atas keizinan dan pengetahuan lelaki tersebut. Apakah hukum pinangan dalam situasi sebegini?
- A. Harus
  - B. Sunat
  - C. Haram
  - D. Makruh

Maksud Hadith Nabi SAW:

*"Kahwinilah perempuan yang subur serta penyayang kerana aku berbangga denganmu terhadap umat yang lain pada hari Kiamat kelak".*

37. Hadith tersebut merupakan hujah dalam panduan perkahwinan. Dalam konteks manakah ayat ini digunakan?
- A. Mengahwini perempuan subur
  - B. Mengahwini perempuan yang penyayang
  - C. Mengahwini perempuan yang mempunyai anak ramai
  - D. Mengahwini perempuan yang lemah lembut, subur dan ramai adik beradik
38. Berikut merupakan syarat sah lafaz *ijab* dan *qabul* sewaktu berada dalam majlis akad **kecuali**
- A. menggunakan lafaz kahwin
  - B. menyebut mas kahwin ketika akad
  - C. mesti berturutan (wali dan pengantin lelaki)
  - D. bahasa yang difahami oleh kedua-dua mempelai
39. Pilih pernyataan yang benar tentang *Wali Ikhtiyar*
- A. bapa dan datuk sebelah ibu pengantin perempuan
  - B. bapa dan datuk sebelah bapa pengantin perempuan
  - C. semua susunan wali mengikut tertib bagi seorang pengantin berstatus janda
  - D. semua susunan wali mengikut tertib bagi seorang pengantin berstatus anak dara.

40. Berikut adalah sebab-sebab yang mengharuskan untuk menggunakan *Wali Hakim* **kecuali**
- A. tiada wali nasab
  - B. tidak cukup syarat wali
  - C. wali *mujbir* telah meninggal dunia
  - D. wali terdekat berada di tempat yang jaraknya lebih dari 96 km
41. Apakah hukum melafazkan akad nikah dengan lafaz secara kiasan (*kinayah*)?
- A. Harus kerana tiada sebarang larangan atau tegahan
  - B. Haram kerana terdapat tegahan daripada pandangan Islam
  - C. Makruh kerana dibimbangi saksi atau wakil tidak memahami niat
  - D. Sunat kerana niat yang baik sewajarnya dilakukan secara beradab atau kiasan
42. Apakah hukum kahwin lari meninggalkan wali lebih dari dua marhalah, mengikut mazhab Syafie?
- A. Haram
  - B. Tidak Sah
  - C. Sah tanpa perlu melihat situasi pernikahan di negara tersebut
  - D. Sah tetapi perlu melihat situasi pernikahan di negara tersebut dari segi rukun nikah, wali hakim yang diiktiraf dan sebagainya
43. Aizat dan Alia berkahwin dengan bersaksikan seorang lelaki yang tertidur sewaktu proses *ijab* dan *qabul* berlangsung. Apakah sah proses perkahwinan mereka?
- A. Sah kerana saksi hanya seorang saksi tertidur
  - B. Sah kerana saksi itu bukan pekak tetapi hanya tertidur sahaja
  - C. Tidak sah kerana saksi tidak dapat membuat persaksian kerana tertidur
  - D. Tidak sah kerana wali tidak dapat menjalankan majlis akad nikah kerana tertidur
44. Berdasarkan senarai wali-wali yang layak, siapakah yang dikategorikan sebagai *Wali Mujbir*?
- A. Bapa sahaja
  - B. Datuk sahaja
  - C. Bapa dan datuk sebelah bapa sahaja
  - D. Bapa, datuk dan adik-beradik seibu sebapa sahaja
45. Apakah yang dimaksudkan dengan nikah *Syighar*?
- A. Nikah yang hanya menghalalkan persetujuan
  - B. Nikah yang tidak dihadiri oleh salah seorang pengantin
  - C. Nikah yang dilakukan di negara luar membolehkan hubungan
  - D. Nikah yang dilakukan bergantung kepada syarat-syarat tertentu

46. Berikut adalah syarat-syarat yang wajib bagi seorang wali **kecuali**
- A. Islam dan adil
  - B. baligh dan berakal
  - C. waras dan cerdik
  - D. bertaqwa dan berihram
47. Apakah hukum melakukan akad nikah dengan tulisan?
- A. Tidak sah kerana ia dianggap sebagai kiasan
  - B. Tidak sah kerana akad nikah wajib dilafazkan dengan suara
  - C. Sah kerana tiada sebarang nas yang melarangnya
  - D. Sah kerana ia boleh memberi faham kepada kedua-dua belah pihak
48. Hisyam bakal berkahwin tidak lama lagi. Berikut adalah syarat-syarat bagi Hisyam sebagai bakal suami **kecuali**
- A. bakal suami perlu hadir semasa akad
  - B. bakal suami adalah bukan *mahram* kepada bakal isteri
  - C. bakal suami adalah orang yang ditentukan secara yakin
  - D. bakal suami berada dalam ihram haji dan umrah
49. Manakah syarat yang wajib bagi sesebuah perlahwinan yang menggunakan *Wali Ijbar (mujbir)*?
- i. Tidak terdapat permusuhan antara wali dengan akan perempuannya
  - ii. Bakal suami mestilah sekufu pada adat setempat
  - iii. Bakal suami mestilah berkeupayaan menyerahkan mahar pada waktu akad
  - iv. Wali mestilah hadir pada majlis perkahwinan
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. ii dan iii
  - D. semua yang di atas
- "Melaksanakan kekuasaan atas orang lain serta mengawasinya."
50. Istilah di atas adalah berdasarkan perkataan:
- A. saksi
  - B. *mujbir*
  - C. *wilayah*
  - D. pemimpin

51. Bagaimanakah batasan aurat antara Aina dengan ayah mertuanya?
- A. Antara pusat dan lutut sahaja
  - B. Antara tengkuk dan lutut sahaja
  - C. Seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan
  - D. Seluruh tubuh kecuali muka, tangan dan kaki
52. Apakah yang dimaksudkan dengan *talak ta'lik*?
- A. Isteri memohon cerai daripada suami
  - B. Lafaz cerai yang dijatuhkan oleh suami dengan menyebut syarat tertentu
  - C. Perceraian talak tiga
  - D. Talak yang boleh dirujuk
53. Berikut adalah syarat wajib seorang anak untuk memberi nafkah kepada ibunya **kecuali**
- A. ibu adalah dari kalangan orang fakir
  - B. anak mempunyai nafkah cukup untuk diri sendiri dan isteri sahaja
  - C. anak mempunyai nafkah lebih untuk diri sendiri, isteri dan anak-anak
  - D. ibu tidak mendapat nafkah daripada bapa kerana bapa telah meninggal dunia
54. Apakah hukumnya seorang wanita mengahwinkan dirinya sendiri tanpa wali sedangkan wali tersebut ada?
- A. Perkahwinan batal dan pasangan dipisahkan
  - B. Perkahwinan sah tetapi dengan akad dan mas kahwin baru
  - C. Persetubuhan yang berlaku dipanggil zina dan pasangan dihukum
  - D. Persetubuhan itu sah dan anak yang lahir akan dinasabkan kepada suaminya

Seorang lelaki berkahwin dengan wanita warga asing yang baru memeluk Islam setelah dia berjaya mengislamkannya. Dalam masa yang sama lelaki tersebut telah pun berumahtangga dan mempunyai tiga orang cahaya mata.

55. Nyatakan hukum poligami dalam situasi tersebut menurut perspektif Islam
- A. haram kerana tidak berlaku adil
  - B. makruh kerana telah berkeluarga
  - C. sunat dengan niat untuk membimbing wanita *muallaf*
  - D. harus dengan niat untuk memenuhi naluri manusiawi

56. Berikut adalah perkara yang disunatkan sebelum dan selepas akad nikah berlangsung **kecuali**
- berkhutbah
  - berdoa sebelum bersetubuh
  - bersanding dan bertepung tawar
  - menghebahkan perkahwinan di media sosial
57. Apakah hukum seorang suami yang mengahwini mantan isterinya yang telah bercerai dengan talak tiga setelah diupah seorang lelaki lain untuk mengahwini mantan isterinya secara '*muhallil*' (cina buta)?
- Perkahwinan sah dan harus
  - Perkahwinan sah tetapi haram
  - Perkahwinan tidak sah dan haram
  - Perkahwinan tidak sah tetapi harus
58. Apakah hukum memberi *mahar* dalam Islam?
- Wajib
  - Sunat
  - Harus
  - Sunat muakkad
59. Bentuk mahar yang manakah dibenarkan dalam Islam
- wang hantaran semasa perkahwinan
  - hadiah yang diberikan sewaktu pertunangan
  - senaskhah al-Quran yang disebut semasa majlis akad nikah
  - RM 10,000 yang dinyatakan dalam waktu *ijab* dan *qabul*
- i, ii dan iii
  - ii dan iii
  - iii dan iv
  - semua yang di atas
60. Apakah hukum seorang gadis yang belum baligh, berkahwin dengan seorang lelaki dewasa?
- Sah dan amat digalakkan
  - Tidak sah dan dianggap sebagai berzina
  - Sah tetapi perlu berkahwin semula setelah baligh
  - Sah dan tidak perlu berkahwin semula setelah baligh

61. Pilih perkara yang dibenarkan oleh syarak untuk dilakukan oleh suami isteri dalam tempoh iddah bagi perceraian talak *raj'ie*
- Suami isteri dibenarkan tinggal bersama dalam tempoh iddah
  - Suami wajib memberi nafkah zahir kepada bekas isteri dan anak-anak
  - Suami isteri dibenarkan melakukan hubungan suami isteri sebagaimana sebelum melepaskan talak
  - Isteri dibenarkan mendedahkan aurat kepada bekas suaminya sepanjang tempoh iddah
- A. i dan ii  
B. i, ii dan iii  
C. i, ii dan iv  
D. semua yang di atas
62. Sepasang suami isteri yang telah bercerai dan kembali rujuk dalam tempoh *iddah*. Bagaimanakah kaedah yang dibenarkan oleh syarak?
- Berkahwin semula tanpa maskahwin
  - Berkahwin semula dengan maskahwin yang baru
  - Tidak perlu berkahwin semula tetapi memerlukan persetujuan isteri untuk meneruskan perkahwinan
  - Tidak perlu berkahwin semula memadai dengan lafaz rujuk walaupun isterinya enggan meneruskan perkahwinan
63. Apakah hukum seorang *wali mujbir* memaksa anak perempuannya yang masih belum baligh berkahwin semula dengan lelaki lain setelah tamat tempoh *iddah*?
- Harus
  - Sunat
  - Haram
  - Makruh
64. *Mahar Mithil* perlu digunakan berdasarkan keadaan berikut **kecuali**
- berdasarkan sekufu
  - mahar keluarga terdekat bakal isteri
  - berdasarkan status sosial
  - kedudukan keluarga lelaki

65. Bagaimanakah keadaan seorang wanita menerima keseluruhan maharnya?
- A. Apabila berlakunya persetubuhan setelah bergelar suami isteri
  - B. Apabila berlakunya persetubuhan walaupun sebelum perkahwinan
  - C. Apabila sah menjadi suami isteri walaupun diceraikan sejurus selepas perkahwinan
  - D. Apabila disebut dalam waktu akad walaupun isteri memohon fasakh sebelum berlakunya persetubuhan
66. Bagaimanakah keadaan mahar sekiranya seorang isteri diceraikan sebelum berlakunya persetubuhan?
- A. Gugur hak untuk mendapat mahar
  - B. Hanya mendapat  $\frac{1}{2}$  sahaja mahar yang disebut pada waktu akad
  - C. Hanya mendapat  $\frac{2}{3}$  sahaja mahar yang disebut pada waktu akad
  - D. Tetap mendapat keseluruhan mahar yang disebut pada waktu akad
67. Ani bertindak memohon *fasakh* terhadap perkahwinannya beberapa jam selepas majlis akad nikah berlangsung. Bagaimanakah keadaan *mahar* apabila seorang isteri memohon *fasakh* dalam perkahwinannya sebelum berlakunya persetubuhan?
- A. Tidak mendapat sebarang *mahar*
  - B. Tetap mendapat *mahar* yang dipersetujui sebelum perkahwinan
  - C. Hanya mendapat  $\frac{1}{2}$  sahaja *mahar* yang dinyatakan dalam majlis akad
  - D. Hanya mendapat  $\frac{1}{4}$  sahaja *mahar* yang dinyatakan dalam majlis akad
68. Apakah hukumnya sepasang mempelai mendengar khutbah sebelum majlis akad nikah?
- A. Harus
  - B. Sunat
  - C. Wajib
  - D. Makruh
69. Maksud Hadith Nabi SAW: "Janda lebih berhak terhadap dirinya sendiri daripada walinya". Perkara ini menunjukkan bahawa
- A. seorang janda perlu mendapat keizinan wali untuk berkahwin semula
  - B. seorang wali berhak memaksa anak perempuannya yang telah janda untuk dikahwinkan semula
  - C. seorang perempuan janda bebas membuat keputusan sendiri jika ingin berkahwin semula
  - D. seorang wali tidak perlu mendapat persetujuan anak perempuannya yang telah janda untuk dikahwinkan semula



70. Apakah hukum seorang suami menceraikan isterinya semasa suci selepas disetubuhi?
- A. Harus
  - B. Sunat
  - C. Haram
  - D. Makruh

Dengan nama Allah, Ya Allah, jauhilah kami dari gangguan syaitan dan jauhilah syaitan daripada apa yang engkau rezekikan (anak).

71. Doa tersebut telah diajar oleh Rasulullah SAW kepada umatnya. Di waktu manakah doa tersebut perlu dibaca?
- A. Doa untuk mendapatkan anak
  - B. Doa selepas memperolehi zuriat
  - C. Doa sebelum mendatangi isteri (bersetubuh)
  - D. Doa mengelakkan perceraian daripada gangguan syaitan
72. Apakah hukum mengadakan *walimatul urus* secara besar-besaran dengan berlaku pembaziran dan di luar kemampuan?
- A. Harus
  - B. *Bidaah* dalam adat
  - C. Makruh namun dibenarkan
  - D. Haram secara jelas dalam al-Quran
73. Rafi adalah seorang penagih dadah. Beliau telah melafazkan talak terhadap isterinya ketika sedang khayal dan marah akibat pengaruh dadah. Apakah hukumnya seorang suami melafazkan talak dengan jelas namun dalam keadaan pengaruh dadah?
- A. Jatuh talak kerana lafaz yang jelas
  - B. Jatuh talak kerana ketagihan dadah
  - C. Tidak jatuh talak kerana suami dalam keadaan tidak berakal
  - D. Tidak jatuh talak sebab lafaz yang digunakan adalah *kinayah*
74. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz talak *kinayah*?
- A. Ungkapan yang jelas
  - B. Ungkapan yang tidak jelas (kabur)
  - C. Ungkapan yang tidak menepati syarak
  - D. Ungkapan yang memerlukan penjelasan lanjut sang suami

75. Sarah telah diceraikan oleh suaminya selepas beliau suci daripada haid dan nifas serta tidak disetubuhi lagi. Apakah kategori talak tersebut?
- A. talak *Bain*
  - B. talak *Sunni*
  - C. talak *Bid`ie*
  - D. talak *Raj`ie*
76. Amran telah menceraikan isterinya ketika isterinya masih dalam pantang setelah melahirkan anak ketiga mereka. Apakah kategori talak tersebut?
- A. talak *Bain*
  - B. talak *Sunni*
  - C. talak *Bid`ie*
  - D. talak *Raj`ie*
77. Pernyataan berikut tentang tempoh *'iddah* adalah benar **kecuali**
- A. *'iddah* orang yang mengandung adalah sehingga kelahiran anak yang dikandung
  - B. perempuan yang kematian suami dan tidak mengandung *'iddahnya* adalah selama empat bulan sepuluh hari
  - C. perempuan yang tiada haidh kerana masih kecil atau putus haidh *'iddahnya* ialah selama tiga bulan sepuluh hari
  - D. perempuan yang haidh dan tidak mengandung *'iddahnya* adalah selama tiga kali suci berdasarkan ayat al-Qur'an
78. Apakah tanggungjawab **utama** seorang isteri kepada suaminya?
- A. Menjaga makan minum suaminya
  - B. Mendidik anak-anak sehingga dewasa
  - C. Memastikan urusan rumahtangga diurus dengan sempurna
  - D. Taat kepada suami selagimana tidak bercanggah dengan syarak
79. Hasyim telah menyamakan bahagian belakang susuk tubuh isterinya seperti bahagian belakang tubuh ibunya. Hasyim telah melakukan perkara haram dan berdosa besar kerana
- A. Hasyim telah melakukan *ila'*
  - B. Hasyim telah melakukan *li'an*
  - C. Hasyim telah melakukan *zihar*
  - D. Hasyim telah melakukan *talak*

80. Situasi manakah antara berikut yang membolehkan seorang isteri memohon fasakh daripada suami menurut syarak?
- i. Isteri didera fizikal dan mental oleh suami dalam satu tempoh tertentu
  - ii. Suami menjadi papa-kedana sehingga tidak lagi mampu memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak
  - iii. Suami hilang tanpa khabar berita sudah hampir enam bulan lamanya
  - iv. Isteri enggan mengikut perintah suami untuk berpindah tempat kerja
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. ii dan iii
  - D. semua yang di atas

- Kertas Soalan Tamat -